

Lebih banyak peluang lulusan ITE, poly kerja sambil belajar

Politeknik Nanyang tawar lima lagi program baru

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

POLITEKNIK Nanyang (NYP) akan melancarkan lima lagi program Bekerja dan Belajar (ELP) bulan ini sebagai respons terhadap permintaan yang semakin meningkat bagi laluan alternatif untuk lulusan politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

Program ELP baru bagi lulusan ITE itu melengkapi program ELP kendalian Institut Kulinari Asia dan Institut Pengajian Peruncitan Singapura NYP, yang akan membolehkan pelajar meraih diploma Kelayakan Kemahiran Tenaga Kerja (WSQ).

Sejauh ini lebih 420 lulusan telah menyertai program ELP di NYP.

Menerusi program tersebut, lulusan ITE boleh mendalami pengetahuan mereka mengenai bidang yang sedang mereka pelajari dan pada masa yang sama meraih pengalaman menerusi pekerjaan dengan syarikat yang terlibat dengan program berkenaan.

Program baru itu termasuk Diploma dalam Sains Aplikasi (Teknologi Makanan); Diploma dalam Amalan Perniagaan (Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan); dan Diploma dalam Infokom dan Media Digital (Rangkaian Teknologi Maklumat dan Pentadbiran Sistem).

Program kelima – Diploma Khusus dalam Pengurusan Persekitaran dan Teknologi Aplikasi Air – pula membolehkan lulusan politeknik menyertai sektor yang semakin berkembang dan pada masa yang sama mendalami kemahiran dan pengetahuan dalam subjek tersebut.

Dengan adanya program itu, NYP akan menguruskan 25 ELP, jumlah tertinggi dalam kalangan politeknik di sini.

Pengarah Akademi Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kemahiran NYP, Encik Tan Jek Min berkata:

“Nampaknya ia merupakan laluan alternatif bagi mereka yang menganggap untuk berjaya dalam kerjaya, mereka bukan sahaja memerlukan pengetahuan mendalam, malah kepakaran kukuh dalam bidang yang diceburi.

“Kian banyak syarikat kini mengiktiraf pekerja sebegini.”

Bagi lulusan informatik perniagaan, Cik Ayesha Begum, yang menyertai ELP meskipun layak masuk universiti, beliau ditawarkan bekerja dengan firma Accenture dan menguruskan projek firma itu walaupun sedang sibuk menamatkan Diploma Khusus dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Selepas ELP, beliau diambil bekerja firma Accenture itu dan dalam beberapa bulan dinaikkan pangkat ke paras sama dengan siswazah baru masuk yang lain.